



KERATAN AKHBAR

JAKOA
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

Rabu – 27 Januari 2021

Utusan Malaysia

Halaman : 8



MENARA telekomunikasi yang siap dibina dan menunggu proses penyerahan kepada syarikat telekomunikasi di Kampung Orang Asli Langkap, Dangi, Jempol. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI.

Menara komunikasi buat anak Orang Asli sertai PdPR

JEMPOL: Masalah capaian internet di Kampung Orang Asli Langkap, Dangi dekat sini dijangka selesai selepas menara komunikasi yang dalam pembinaan siap dua bulan lagi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram Padang, Datuk L. Manickam berkata, kawasan tersebut mempunyai capaian internet lemah kerana terlalu pedalaman menyebabkan murid Orang Asli tidak dapat mengikuti proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

“Kami sudah menghubungi Majlis Daerah Jempol dan dimaklumkan menara sudah siap dan dalam masa dua bulan lagi boleh digunakan bagi memastikan anak-anak ini tidak tercincir mengikuti PdPR,” kata beliau kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Menurut beliau, menara komunikasi setinggi 76 meter bernilai RM1.2 juta masih menunggu pihak kontraktor menyerahkan kepada syarikat

telekomunikasi Celcom.

“Saya akan pastikan tindakan susulan Isnin ini supaya mereka (anak-anak) segera mendapat akses internet yang lebih baik secepat mungkin,” katanya.

Pada 22 Januari lalu, *Utusan Malaysia* ini melaporkan seorang suri rumah, Norlaili Arifin, 40, yang secara sukarela mengajar kira-kira 20 murid dan pelajar Orang Asli di bawah khemah kanvas di sini bagi mengikuti PdPR.

Dalam pada itu, Manickam berkata, bagi memberikan lebih keselesaan kepada anak-anak Orang Asli, pihaknya memberikan sumbangan dua buah khemah, empat buah meja serta 16 kerusi.

Sementara itu, Norlaili semasa dihubungi berkata, dia berterima kasih dengan sumbangan tersebut.

“Saya berharap permohonan tambahan untuk mendapatkan telefon pintar bagi memudahkan anak-anak ini belajar disegerakan,” katanya.